

20 JUL 1999

PARLIMEN-ASN2

ASN2 TARIK 7,000 PELABUR DENGAN PELABURAN 52 JUTA UNIT

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- ASN2, skim Amanah Saham Nasional kedua yang dilancarkan pada 9 Jun lepas di bawah pengurusan Permodalan Nasional Berhad (PNB), telah berjaya menarik 7,000 pelabur dengan pelaburan berjumlah 52 juta unit, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Nazri Aziz.

Jumlah pelaburan itu adalah sehingga 9 Julai lepas, katanya ketika menjawab soalan Datuk Abdol Mulok Awang Damit (BN-Labuan) di Dewan Rakyat hari ini.

ASN2 dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Jun lepas, membolehkan pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) Bumiputera yang telah mencapai tahap maksimum dalam pelaburan mereka melabur.

Nazri berkata bagi menggalakkan lagi penyertaan yang menyeluruh, PNB telah mengadakan majlis pelancaran ASN2 peringkat negeri yang dimulakan dengan negeri Terengganu pada 6 Julai lepas dan akan diikuti dengan kesemua negeri lain dalam bulan ini.

Beliau berkata berbanding dengan saham amanah yang lain ASN2 memberi kelebihan termasuk menawarkan insentif 20 unit percuma bagi 1,000 unit yang dibeli dari 10 Jun hingga 30 Sept 1999.

Nazri berkata ASN2 juga menyediakan bayaran khairat kepada pewaris pelabur yang meninggal dunia yang layak menerimanya.

Ia juga membolehkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menggunakan sebahagian simpanan dalam kumpulan itu untuk melabur dalam ASN2 melalui Skim Dana Pelaburan KWSP, katanya.

"Sehingga 30 Jun lepas, seramai 185 orang anggota KWSP telah mengeluarkan sebahagian simpanan KWSP bagi tujuan pelaburan dalam Skim ASN2 dengan nilai pelaburan yang terlibat adalah sejumlah RM1,549 juta," katanya.

Mengenai sama ada kerajaan bercadang untuk memudahkan cara pengeluaran caruman KWSP bagi menggalakkan lebih ramai rakyat terutama Bumiputera yang berpendapatan rendah melabur, Nazri berkata buat masa sekarang KWSP tidak bercadang untuk meminda syarat pengeluaran simpanan anggota yang sedia ada bagi tujuan pelaburan.

Objektif utama KWSP adalah bagi menyediakan faedah persaraan kepada anggota dalam tempoh persaraan, katanya.

Beliau berkata anggota yang mempunyai sekurang-kurangnya RM55,000 dalam Akaun 1 (Akaun Persaraan) dan belum mencapai 55 tahun boleh melabur sendiri sebahagian daripada jumlah simpanan itu melalui 35 Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Pelaburan boleh dibuat setiap tiga bulan dari tarikh pemindahan terakhir dibuat dan Skim itu terbuka kepada semua warganegara Malaysia, kata beliau lagi. -- BERNAMA

NHD OS